

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2025, Vol 8, Bil 1, Halaman 79-87

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Johor

[Factors Influencing the Achievement of Quran Memorization Among Students of Johor Government Religious Secondary Schools]

Muhamad Rafee Bin Kadir^{1*}, Abdul Hafiz bin Abdullah,² & Mohd Nazir Bin Kadir³

¹ Fakulti Sains Pendidikan & Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Skudai, Johor

² Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Skudai, Johor

³ Program Tahfiz Al-Quran, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI), Larkin Jaya, 80350 Johor Bahru, Johor

* Corresponding Author: Mohd Nazir Kadir, Program Tahfiz Al-Quran, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI), Larkin Jaya, 80350 Johor Bahru, ORCID iD.

Artikel dihantar: 5 Mei 2025

Artikel diterima: 29 Jun 2025

Artikel diterbitkan: 30 Jun 2025

ABSTRACT

The implementation of the Ibnu Sina Tahfiz Program at Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ) is one of the initiatives by the Johor government to expand tahfiz education at the secondary school level. After sixteen years of implementation, it was found that not all students in this program successfully memorized 10 juz' of the Quran within the five-year study period as outlined by the Islamic Education Division of the Johor State Islamic Religious Department. Therefore, this study aims to identify the factors influencing Quran memorization achievement among students of the Ibnu Sina Tahfiz Program at SMAKJ. This study employs a quantitative descriptive approach involving 47 students, using a questionnaire method with a 5-point Likert scale, ranging from "strongly disagree" to "strongly agree." Mean score analysis was used to assess the level of students memorization achievement. The findings indicate that the factors influencing Quran memorization achievement recorded a mean score of 4.03, reflecting a high level. The study's findings provide a comprehensive overview of the factors affecting Quran memorization achievement at SMAKJ, which can serve as a guide to improving the effectiveness of the tahfiz program in the future.

Keywords

Ibnu Sina Tahfiz Program, Tahfiz Education, Quran Memorization, Johor Government Religious Secondary Schools (SMAKJ)

ABSTRAK

Pelaksanaan Program Tahfiz Ibnu Sina di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Johor dalam memperkembangkan pendidikan tahfiz di peringkat sekolah menengah. Setelah enam belas tahun pelaksanaannya, didapati tidak semua murid yang mengikuti program ini berjaya menghafaz 10 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun pengajian seperti yang digariskan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan al-Quran dalam kalangan murid Program Tahfiz Ibnu Sina di SMAKJ. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif ke atas 47 orang murid dengan kaedah soal selidik menggunakan skala Likert 5 mata, iaitu daripada "sangat tidak setuju" hingga "sangat setuju". Analisis skor min digunakan untuk menilai tahap pencapaian hafazan al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan al-Quran mencatatkan skor min 4.03, menunjukkan tahap tinggi. Dapatan kajian ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan al-Quran di SMAKJ, sekali gus boleh dijadikan panduan untuk menambah baik keberkesanan program tahfiz pada masa hadapan.

Keywords

Program Tahfiz Ibnu Sina, Pendidikan Tahfiz, Hafazan, Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ) –

How to Cite: Kadir, M. N., Kadir, M. R. . ., & Abdul Hafiz bin Abdullah. (2025). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor: Factors Influencing the Achievement of Quran Memorization Among Students of Johor Government Religious Secondary Schools. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(1), 79–87.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.91>

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan Kalamullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai panduan utama bagi umat Islam. Sejak zaman Rasulullah SAW, usaha menghafaz al-Quran telah menjadi satu tradisi penting dalam memastikan ketulenan dan keasliannya terpelihara. Tradisi ini diteruskan sehingga kini melalui pelbagai institusi pendidikan, termasuk sekolah-sekolah tahfiz dan institusi pengajian Islam. Di Malaysia, pendidikan tahfiz telah berkembang pesat dengan wujudnya pelbagai program khas yang bertujuan melahirkan para huffaz yang bukan sahaja menghafaz al-Quran tetapi juga berpengetahuan luas dalam bidang akademik. Kerajaan Malaysia turut mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Program Tahfiz Model Ulul Albab (Mohamed Akhiruddin Ibrahim et al., 2024) serta memperkukuhkan institusi tahfiz bagi memastikan keseimbangan antara pendidikan agama dan akademik.

Di Negeri Johor, pelaksanaan program tahfiz mendapat sokongan penuh daripada kerajaan negeri dan pelbagai institusi agama (Mohd Farid Mohd Sharif et al., 2020). Salah satu program tahfiz yang dijalankan ialah Program Tahfiz Ibnu Sina di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ), yang bertujuan melahirkan murid yang mampu menghafaz sekurang-kurangnya 10 juzuk al-Quran sepanjang tempoh lima tahun pengajian mereka (Nurul Huda Mohammad & Noor Syahidah Mohamad Akhir, 2023). Namun, terdapat cabaran yang dihadapi dalam mencapai sasaran ini, di mana tidak semua murid dapat memenuhi *standard* yang ditetapkan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan al-Quran dalam kalangan murid di SMAKJ. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah dalam menambah baik pendekatan dan strategi pendidikan tahfiz agar dapat melahirkan lebih ramai huffaz yang berkualiti serta seimbang dari segi rohani dan akademik.

Kajian ini memberi sumbangan yang signifikan kepada bidang Pendidikan Islam, khususnya dalam memperkasakan program tahfiz di SMAKJ secara praktikal. Dapatan kajian diharapkan dapat membantu pihak sekolah meningkatkan kualiti pencapaian murid tahfiz agar dapat melahirkan lebih ramai huffaz yang bukan sahaja



mahir dalam hafazan al-Quran, tetapi juga berakhlak mulia serta cemerlang dalam pencapaian akademik dan sahsiah. Hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan modal insan yang seimbang dari segi rohani dan intelektual. Kejayaan para huffaz ini akan memberi impak positif kepada masyarakat, sekali gus menjadi ikon teladan dan pencetus kepada lahirnya lebih ramai cendekiawan Islam bergelar al-Hafiz yang mampu berkhidmat dalam pelbagai bidang. Secara praktikal, kajian ini turut memartabatkan syiar Islam dalam sistem pendidikan serta membina generasi yang berdisiplin dan berketerampilan. Tambahan pula, kajian ini berpotensi menjadi sumber rujukan berguna kepada penyelidik lain yang ingin mengembangkan lagi kajian dalam bidang pendidikan tahfiz dan pembangunan insan.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang bertujuan untuk mengukur dan menganalisis tahap pencapaian hafazan al-Quran dalam kalangan murid Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ). SMAKJ dipilih sebagai lokasi kajian kerana subjek tahfiz merupakan subjek teras yang wajib diambil oleh semua murid. Jumlah keseluruhan murid di sekolah ini adalah seramai 489 orang. Namun begitu, kajian ini hanya melibatkan dua kelas sahaja, iaitu kelas 2 Syafie dan 2 Bukhari, yang merangkumi seramai 55 orang murid lelaki dan perempuan tingkatan dua. Berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan, saiz sampel yang diperlukan bagi kajian ini ialah 47 orang murid. Oleh itu, daripada jumlah 55 orang tersebut, hanya 47 orang murid akan dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini menggunakan dua instrumen utama iaitu data maklumat hafazan murid dan soal selidik untuk mengumpul data yang relevan dan sistematik. Semua data yang diperoleh akan dikumpulkan oleh penyelidik dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 30. Penganalisan data dibuat berdasarkan dua objektif utama iaitu tahap pencapaian hafazan murid dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian mereka dalam tahfiz al-Quran. Pemilihan murid tingkatan 2 adalah kerana mereka telah mempunyai pengalaman setahun dalam hafazan al-Quran dan terbiasa dengan kaedah pembelajaran di SMAKJ. Walaupun pencapaian akademik dalam subjek tahfiz menunjukkan peningkatan, masih terdapat ramai murid yang belum mencapai silibus hafazan yang ditetapkan. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan murid berdasarkan soal selidik dan pemerhatian yang dijalankan.

3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini diperoleh berdasarkan dua bahagian soal selidik, iaitu (A) maklumat demografi dan (B) faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dalam tahfiz al-Quran. Hasil analisis borang soal selidik yang dijawab oleh 47 orang murid Tingkatan 2 di SMAKJ memberikan maklumat mengenai demografi responden yang merangkumi aspek jantina dan kelas. Analisis terhadap maklumat demografi ini bertujuan untuk memberikan gambaran awal tentang latar belakang responden yang terlibat dalam kajian. Seramai 26 orang murid lelaki (55.3%) telah mengambil bahagian dalam kajian ini, manakala murid perempuan pula seramai 21 orang (44.7%). Taburan ini menunjukkan bahawa murid lelaki lebih ramai daripada murid perempuan dalam kalangan responden kajian. Walaupun terdapat sedikit perbezaan, jumlah ini masih seimbang dan membolehkan analisis dibuat secara adil serta menyeluruh. Ini juga mencerminkan kepelbagaian jantina dalam kalangan murid yang terlibat.

4.0 MENGENAL PASTI FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN MURID DALAM HAFAZAN AL-QURAN

Dalam bahagian ini, data yang dianalisis bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dalam hafazan al-Quran dalam kalangan murid SMAKJ. Bagi memperoleh gambaran yang lebih terperinci, penyelidik telah menganalisis dapatan kajian berdasarkan item-item yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Jadual 1 Taburan Skor Min bagi Item C1

C1. Persekitaran pembelajaran di sekolah membantu saya menghafaz al-Quran dengan lebih baik

Skala Likert	Kekerapan	Peratusan (%)	Min
Sangat Tidak Setuju	0	0%	3.85



Tidak Setuju	6	12.8%
Kurang Setuju	9	19.1%
Setuju	18	38.3%
Sangat Setuju	14	29.8%
Jumlah	47	100%

Hasil analisis Jadual 1 menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan maklum balas positif terhadap pernyataan bahawa persekitaran pembelajaran di sekolah membantu mereka menghafaz al-Quran dengan lebih baik. Ini dapat dilihat daripada jumlah responden yang bersetuju (38.3%) dan sangat bersetuju (29.8%) yang secara keseluruhannya merangkumi 68.1% daripada keseluruhan responden. Nilai min bagi item ini adalah 3.85 yang menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap keberkesanan persekitaran sekolah dalam menyokong proses hafazan al-Quran. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan kecil responden yang memberikan maklum balas kurang positif. Sebanyak 12.8% responden tidak bersetuju dan 19.1% pula kurang setuju dengan kenyataan ini. Ketiadaan responden yang sangat tidak setuju (0%) menunjukkan bahawa secara umum, Tiada penolakan yang signifikan terhadap persekitaran sekolah sebagai faktor sokongan dalam hafazan al-Quran. Namun, perbezaan persepsi ini berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti gaya pembelajaran yang berbeza, suasana bilik darjah, pendekatan guru atau kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah.

Dapatan ini mencadangkan bahawa pihak sekolah perlu mengekalkan dan terus meningkatkan suasana pembelajaran yang kondusif, termasuk penyediaan ruang hafazan yang selesa, persekitaran yang tenang serta motivasi daripada guru yang berperanan sebagai murabbi. Kenyataan ini disokong oleh Fadzilawani Astifar Alias et al. (2024) yang menyatakan bahawa institusi yang menyediakan bimbingan berkualiti serta kemudahan seperti ruang hafazan yang selesa mampu meningkatkan motivasi pelajar. Pada masa yang sama, perhatian juga perlu diberikan kepada pelajar yang tidak atau kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut, bagi mengenal pasti punca ketidakpuasan dan seterusnya merancang intervensi yang bersesuaian. Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran sekolah memainkan peranan penting dalam menyokong pelajar menghafaz al-Quran, namun ia masih memerlukan penambahbaikan agar dapat memenuhi keperluan semua pelajar secara lebih menyeluruh.

Jadual 2 Taburan Skor Min bagi Item C2
 C2. Sokongan daripada guru dan rakan sebaya memberi motivasi kepada saya untuk hafazan

Skala Likert	Kekerapan	Peratusan (%)	Min
Sangat Tidak Setuju	0	0%	4.28
Tidak Setuju	0	0%	
Kurang Setuju	5	10.6%	
Setuju	24	51.1%	
Sangat Setuju	18	38.3%	
Jumlah	47	100%	

Hasil analisis data bagi item C2 menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan reaksi yang positif terhadap pernyataan tersebut. Tiada responden yang menyatakan sangat tidak setuju atau tidak setuju, sekali gus



menggambarkan bahawa tiada penolakan terhadap peranan sokongan guru dan rakan sebaya dalam memberi motivasi kepada proses hafazan. Sebaliknya 5 orang responden (10.6%) menyatakan kurang setuju, manakala 24 orang responden (51.1%) menyatakan setuju dan 18 orang responden (38.3%) menyatakan sangat setuju.

Nilai min bagi item ini ialah 4.28 yang berada dalam julat tinggi, sekaligus mencerminkan tahap persetujuan yang kukuh dalam kalangan pelajar terhadap kepentingan sokongan sosial dalam usaha mereka menghafaz al-Quran. Dapatan ini selari dengan pandangan beberapa kajian lepas seperti Nur Fatanah et al. (2024), Mohd Abbas Abdul Latiff & Farihatun Nadia (2010) dan Wati Mohamad & Mazuki Salim (2013) yang menekankan bahawa persekitaran sokongan yang positif daripada guru dan rakan sebaya boleh meningkatkan motivasi intrinsik dan keberkesanan pembelajaran, khususnya dalam konteks hafazan. Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa sokongan sosial, terutamanya daripada guru dan rakan, memainkan peranan penting dalam memperkukuh motivasi pelajar dalam pengajian hafazan. Oleh itu, adalah disarankan agar institusi pendidikan memupuk budaya sokongan yang berterusan dalam kalangan pelajar dan guru bagi meningkatkan keberkesanan proses hafazan al-Quran.

Jadual 3 Taburan Skor Min bagi Item C3

C3. Saya menggunakan teknik hafazan yang berkesan dalam hafazan saya

Skala Likert	Kekerapan	Peratusan (%)	Min
Sangat Tidak Setuju	0	0%	4.17
Tidak Setuju	0	0%	
Kurang Setuju	5	10.6%	
Setuju	29	61.7%	
Sangat Setuju	13	27.7%	
Jumlah	47	100%	

Berdasarkan dapatan Jadual 3, kenyataan “Saya menggunakan teknik hafazan yang berkesan dalam hafazan saya” menunjukkan majoriti responden memberikan maklum balas yang positif. Tiada responden yang menyatakan sangat tidak setuju atau tidak setuju, iaitu masing-masing mewakili 0%. Hal ini menunjukkan bahawa semua responden sekurang-kurangnya bersikap neutral atau cenderung bersetuju terhadap keberkesanan teknik hafazan yang digunakan. Seramai 5 orang responden (10.6%) menyatakan kurang setuju, yang mungkin menggambarkan bahawa mereka masih mencari-cari teknik yang sesuai atau belum menemui keberkesanan sepenuhnya dalam pendekatan hafazan mereka. Namun begitu, majoriti besar responden, iaitu 29 orang (61.7%) bersetuju, manakala 13 orang lagi (27.7%) sangat setuju bahawa mereka menggunakan teknik hafazan yang berkesan. Ini menunjukkan bahawa hampir 90% responden mengakui keberkesanan teknik yang mereka amalkan.

Nilai min bagi item ini adalah 4.17, yang berada dalam kategori tinggi berdasarkan interpretasi skala Likert. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, responden mempunyai tahap keyakinan yang tinggi terhadap teknik hafazan yang diamalkan. Penemuan ini turut mencerminkan tahap kesedaran dan kematangan responden dalam memilih serta mengaplikasikan teknik hafazan yang bersesuaian. Sokongan terhadap dapatan ini turut dikemukakan oleh Mohd Nazir Kadir et al. (2021), yang menegaskan kepentingan pemilihan teknik hafazan yang efektif dalam meningkatkan keberkesanan hafazan al-Quran. Secara keseluruhan, hasil kajian ini memberi gambaran bahawa majoriti pelajar berupaya mengenal pasti dan mengaplikasikan strategi hafazan yang berkesan, yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan prestasi mereka dalam hafazan al-Quran. Walau bagaimanapun, kerjasama yang berterusan antara guru dan pelajar adalah penting bagi membantu pelajar yang masih dalam proses mencari teknik hafazan yang paling sesuai dengan keupayaan masing-masing.



Jadual 4 Taburan Skor Min bagi Item C4

C4. Saya mendapat cukup rehat dan tidur untuk memastikan saya cergas dalam menghafaz

Skala Likert	Kekerapan	Peratusan (%)	Min
Sangat Tidak Setuju	0	0%	3.64
Tidak Setuju	3	6.4%	
Kurang Setuju	21	44.7%	
Setuju	13	27.7%	
Sangat Setuju	10	21.3%	
Jumlah	47	100%	

Berdasarkan Jadual 4, didapati bahawa majoriti responden berada pada tahap kurang setuju terhadap kenyataan bahawa mereka mendapat cukup rehat dan tidur untuk memastikan kecergasan dalam proses menghafaz. Seramai 21 orang responden atau 44.7% menyatakan kurang setuju, diikuti oleh 13 orang responden (27.7%) yang setuju dan 10 orang responden (21.3%) yang sangat setuju. Hanya sebilangan kecil responden yang tidak setuju iaitu 3 orang (6.4%), manakala tiada responden yang sangat tidak setuju (0%). Nilai min bagi item ini ialah 3.64, yang menunjukkan kecenderungan yang sederhana ke arah setuju, namun masih berada di bawah paras “setuju” sepenuhnya. Ini memberi gambaran bahawa walaupun sebahagian responden berasa mereka mendapat rehat dan tidur yang mencukupi, namun sebahagian besar yang lain berpendapat sebaliknya, atau sekurang-kurangnya tidak yakin sepenuhnya dengan tahap rehat dan tidur yang mereka peroleh.

Tekanan masa, bebanan tugas akademik serta kekangan persekitaran dikenal pasti sebagai antara faktor utama yang mempengaruhi rutin tidur pelajar. Gangguan terhadap jadual tidur ini boleh memberi kesan negatif terhadap tahap tumpuan dan keupayaan pelajar untuk mengurus masa dengan berkesan, termasuk dalam aktiviti hafazan al-Quran. Dapatan kajian ini juga sejajar dengan penemuan Yuni Arroh Manita et al. (2014) yang melaporkan bahawa sebahagian besar remaja mengalami gangguan kualiti tidur akibat daripada penggunaan permainan video secara berlebihan. Situasi ini menggambarkan bahawa pelajar menghadapi cabaran dalam menyeimbangkan keperluan akademik, aktiviti sosial serta rutin harian yang lain yang akhirnya boleh menjejaskan keberkesanan pembelajaran dan hafazan mereka.

Justeru, aspek ini wajar diberikan perhatian serius oleh pihak pengurusan institusi dan para pendidik tahfiz dengan merangka pendekatan yang holistik serta menyokong keseimbangan antara jadual hafazan dan keperluan rehat pelajar. Pendekatan sebegini penting bagi memastikan kesejahteraan mental dan fizikal pelajar terpelihara, seterusnya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam proses menghafalan al-Quran.



Jadual 5 Taburan Skor Min bagi Item C5

C5. Saya merasa gembira apabila mendapat pujian daripada atas pencapaian hafazan

Skala Likert	Kekerapan	Peratusan (%)	Min
Sangat Tidak Setuju	1	2.1%	4.19
Tidak Setuju	0	0%	
Kurang Setuju	4	8.5%	
Setuju	26	55.3%	
Sangat Setuju	16	34.0%	
Jumlah	47	100%	

Analisis terhadap item C5 menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai kecenderungan yang positif terhadap kenyataan ini. Sebanyak 55.3% responden (26 orang) menyatakan setuju, manakala 34.0% responden (16 orang) menyatakan sangat setuju. Ini bermakna seramai 42 responden (89.3%) memberikan maklum balas yang menyokong kenyataan bahawa pujian terhadap pencapaian hafazan memberikan kegembiraan kepada mereka. Sebaliknya, hanya 4 orang responden (8.5%) yang kurang setuju, dan 1 orang responden (2.1%) sahaja yang sangat tidak setuju. Tiada responden yang tidak setuju secara langsung (0%) terhadap kenyataan ini. Ini menggambarkan bahawa sebahagian besar pelajar menghargai bentuk pengiktirafan seperti pujian dalam usaha mereka menghafaz al-Quran. Nilai min bagi item ini adalah 4.19, yang menunjukkan kecenderungan yang tinggi ke arah persetujuan. Ini mencerminkan bahawa secara keseluruhannya, pujian berperanan sebagai faktor motivasi yang penting dalam menyemai semangat dan perasaan positif dalam kalangan pelajar tahfiz terhadap prestasi hafazan mereka.

Dari perspektif psikologi pendidikan, dapatan ini selaras dengan teori penghargaan dan motivasi yang menyatakan bahawa pujian dan pengiktirafan daripada pihak luar terutamanya daripada guru, ibu bapa atau pihak institusi pendidikan mampu memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi dalaman pelajar. Apabila pelajar menerima penghargaan atas usaha mereka, mereka akan berasa dihargai dan lebih yakin terhadap kemampuan diri sendiri. Keadaan ini bukan sahaja dapat mendorong mereka untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan, bahkan juga membantu mengekalkan prestasi hafazan al-Quran dalam jangka masa panjang. Sokongan berterusan ini dapat mencetuskan semangat juang dan kesungguhan yang tinggi dalam diri pelajar untuk terus menghafaz dengan konsisten dan berkesan.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan dalam kalangan murid sekolah menengah agama mencatatkan nilai min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.03. Antara faktor yang dikenal pasti, sokongan guru dan rakan sebaya muncul sebagai faktor dominan dengan nilai min tertinggi iaitu 4.28, diikuti oleh penggunaan teknik hafazan yang berkesan (min = 4.17). Penemuan ini secara jelas membuktikan bahawa elemen sokongan sosial dan persekitaran pembelajaran yang kondusif memainkan peranan penting dalam membantu murid mencapai tahap hafazan yang cemerlang. Ia juga mencerminkan bahawa hubungan interpersonal yang positif serta pendekatan pedagogi yang sistematik mampu meningkatkan motivasi dan daya tahan murid dalam menghadapi cabaran hafazan al-Quran.

Namun begitu, faktor rehat yang mencukupi mencatatkan nilai min yang lebih rendah berbanding faktor-faktor lain iaitu 3.64. Ini memberi gambaran bahawa terdapat keperluan mendesak untuk menyeimbangkan antara



waktu pembelajaran, hafazan dan masa rehat bagi memastikan kesihatan mental dan fizikal murid sentiasa terpelihara. Keseimbangan ini penting bagi menjamin kelangsungan pencapaian jangka panjang dalam pengajian tahfiz tanpa mengabaikan kesejahteraan menyeluruh pelajar.

Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan disarankan agar memberi fokus kepada penerokaan lebih mendalam terhadap teknik-teknik hafazan yang inovatif dan berkesan, serta melaksanakan kajian longitudinal bagi menilai impak pencapaian hafazan dalam tempoh masa yang panjang. Selain itu analisis perbandingan antara sekolah juga wajar dijalankan bagi mengenal pasti pendekatan terbaik yang boleh dijadikan model dalam usaha memperkasa pendidikan tahfiz. Hasil daripada kajian-kajian lanjutan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam meningkatkan lagi mutu dan keberkesanan sistem pendidikan tahfiz, khususnya di peringkat sekolah menengah agama di seluruh negara.

CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- A. Fadzilawani Astifar, A. Nurhafizah, M. Siti Balqis, H. Muniroh dan S. Maisurah (2024). *Teknik Menghafaz Al Quran*. *Universiti Navigating the spectrum: the new wave of e-learning innovations*, 7, 44-48. Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang.
- A. L. Mohd Abbas & Y. Farihatun Nadia. (2010). *Persepsi Pelajar Terhadap Program Membudayakan al-Quran dalam meningkatkan tahap keupayaan Pembacaan Al-Quran Mengikut Hukum Tajwid. Satu Kajian di SMK Dato Bentara Luar*. Projek Sarjana Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Pendidikan.
- H. Hayati, A. Abdul Rahim, S. Muhammad Hafiz, Y. Mardhiah, Z. Rohana Zakaria dan M. H. Noor Hafizah. (2023). *Motivasi Ekstrinsik: Analisis Terhadap Cabaran Mengekalkan Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pengajian Qiraat USIM*. *Jurnal Al-Quran dan isu-isu kontemporari*, 6(2), 73-83. Universiti Islam Selangor, Kajang.
- H. Hayati, A. G. Abd. Rahman, A. Abdul Rahim, S. Muhammad Hafiz dan H. Noor Hafizah. (2022). *Dimensi Pelajar Terhadap Penggunaan Medium Teknologi Dalam Kursus Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai*. *Jurnal Al-Quran dan isu-isu kontemporari*, 5(1), 27-36.
- I. Mohamed Akhiruddin, Y. Adnan Mohamed, M. F. Muhammad Wafiq, S. Shahirah, A. A. Azniwati dan Y. Ummu Hani. (2024). *Menilai Hasil Hafazan Al-Qur'an dalam Kalangan Pelajar SABK Dalam Konteks Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)*. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- K. Mohd Nazir et al. (2021). *Teknik Pengurusan Masa Mengulang Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Marsah Johor*: *Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 4(2), 41-50.
- M. N. Nur Fatanah, Nooraihan Ali & P. Arina Amalia. (2024). *Pengaruh Minat Terhadap Pencapaian Bahasa Arab dalam Kalangan Calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia*. *International Journal of al-Quran and Knowledge (IJQK) Volume 4, Issue 1*.
- M. Nurul Huda & M. A. Noor Syahidah. (2023). *Kepelbagaian Pengurusan, Potensi Dan Cabaran Institusi Tahfiz Di Malaysia*. Universiti Sultan Zainal Abidin, *Asian People Journal*, 2023 vol, 6(1)36-52.
- M. S. Mohd Farid, Z. Muhammad Zuhair dan S. Mohd Nizam (2020). *Sekolah Agama & Pendidikan Islam Negeri Johor: Agenda Transformasi*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Penerbit USM.

- M. Wati Mohamad & S. Mazuki. (2013). *Pengamalan dan kesedaran pembacaan al-quran dalam kalangan pelajar baru Politeknik Kuala Terengganu, Terengganu*. Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (CiE-TVET 2013).
- M. Yuni Arroh, Candra Dewi Rahayu, Ari Setyawati, Fifi Alviana & Ika Purnamasari. (2023). *Hubungan Durasi Bermain Game Online Dengan Kualitas Tidur Pada Remaja Dalam Tinjauan Q.S Arrum: 23*. *Jurnal Ilmiah Kesehatan*, Vol. 13, No. 2, Pp. 47-55, Nov. 2023.
- Norhanan. A. R. & A. Abdul Hafiz. (2009). *Kaedah Hafazan al-Quran Sistem Turki: Kajian Di Tahfiz al-Quran Darul Tuba*. Projek Sarjana Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Pendidikan.
- Temubual bersama Ustaz Zulkarnain Masran selaku Ketua Bidang Tahfiz SMAKJ pada 11 November 2024, pukul 9.00 pagi hingga 10.30 pagi di Pejabat SMAKJ